

Berenang ke kebun

300 sukar keluarkan hasil tanaman selepas laluan utama terputus digenangi air

>>Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Fenomena air pasang dan dasar Sungai Nerus yang cetek menyebabkan berlaku limpahan air ke kawasan kebun di Kampung Kesom, Manir, di sini, hingga laluan utama penduduk ke kawasan itu terputus tiga bulan lalu.

Pekebun, Zakaria Mamat, 53, dari Kampung Kesom Che Nordin, berkata akibat kejadian itu, kira-kira 300 pekebun di Kampung Kesom dan kawasan sekitar berpu-tih mata kerana tidak dapat ke kebun dan mengeluarkan hasil tanaman mereka.

Menurutnya, sungai yang tidak dapat menampung jumlah hujan di kawasan hulu mengakibatkan airnya melimpah ke kawasan kebun penduduk.

"Lebih malang ada pekebun terpaksa berenang un-



REZEKI...Abdul Rahin (dua dari kiri) menunjukkan ikan dari pukot dipasang di kebun dilimpahi air.

tuk melintasi jalan digenangi air bagi melihat kebun mereka kerana kenderaan tidak boleh melalui kawasan itu.

"Dua lokasi ditenggelami air sejauh 500 meter dengan dalam antara satu hingga tiga meter menyebabkan kebun

penduduk dan jalan utama tenggelam.

"Kami tidak dapat mengeluarkan hasil seperti kelapa sawit, getah dan buah-buahan," katanya ketika ditemui selepas program kayuhan basikal dan memukat ikan di

Kampung Kesom Che Nordin, kelmarin.

Zukifli Mohamad, 62, dari Kampung Kesom berkata, kebunnya teruk terjejas dan dalam tempoh setahun hanya enam bulan mengeluarkan hasil tanaman.

"Akibat kejadian itu, saya terpaksa mencari pekerjaan lain bagi menampung perbelanjaan harian dan turut menanggung kerugian berikutan hasil kebun tidak dapat dikeluarkan," katanya.

Menurutnya, kebunnya 4.8 hektar diusahakan dengan kelapa sawit tidak dapat memasuki kenderaan bagi mengeluarkan hasil akibat limpahan air Sungai Nerus.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Abdul Rahin Mohd Said, berkata akibat kejadian itu, jalan kebun di Kampung Kesom menghubungkan Kampung Papan, Sentosa dan Pakoh terjejas.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Teluk Pasu berkata, berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri mengambil tindakan segera mengatasi masalah itu.